

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 OKTOBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cipta vaksin untuk biri-biri	Berita Harian
2.	MIMOS harap dana sektor ICT ditambah dalam Bajet 2014	KOSMO
3.	MIMOS harap kerajaan kekal atau naikkan pembiayaan untuk R&D ICT dalam belanjawan 2014	Bernamea.com
4.	Road map for humanity's survival	New Straits Times
5.	60 peratus kematian jalan raya adalah penunggang motosikal	Bernamea.com

Cipta vaksin untuk biri-biri

» 2 saintis UPM
guna bakteria
kurangkan
kematian
ternakan

Oleh Syalikhha Sazili
syalikhha@bh.com.my

► Serdang

Dua saintis Universiti Putra Malaysia (UPM) mencipta sejarah apabila berjaya menghasilkan vaksin bakteria pertama di Malaysia untuk mengawal jangkitan radang paru-paru pada kambing dan biri-biri.

Vaksin yang dikenali sebagai Rekombinan Intranasal Vaksin Semburan untuk Kambing dan Biri-biri (STVac7) itu dihasilkan melalui penggunaan bakteria *Mannheimia Haemolytica* A7 yang dapat membantu mengurangkan lebih 90



Abu Bakar (dua dari kanan) bersama Mohd Fauzi (kiri), Mohd Zamri (dua dari kiri) dan Seleman pada pelancaran vaksin semburan Intranasal STVac7 di UPM, semalam.

[FOTO MUNIRA
ABDUL GHANI/BH]

peratus kadar kematian ternakan itu.

Penyelidikan yang diketuai oleh Prof Dr Mohd Zamri Saad dan penyelidik bersama, Dr Md Sabri Mohd Yusof, masing-masing melihat keupayaan vaksin ini untuk mengawal penyakit terbabat yang kebiasaannya menyerang ketika musim hujan.

Zamri berkata, cuaca lembap ketika musim hujan memudahkan penyakit itu ter-

sebar dan sebelum ini kaedah yang digunakan untuk memberi vaksin adalah melalui suntikan berbeza dengan produk yang diperkenalkan.

Kaedah lebih mudah

"Kami menemui kaedah baru untuk memberi vaksin dengan menyemburkan STVac7 ke hidung kambing dan biri-biri setiap enam bulan, pada bulan Mac dan September," katanya ketika ditemui pada

majlis prapelancon STVac7, di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah; Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Prof Emeritus Tan Sri Datuk Dr Syed Jalaludin Syed Sali; Timbalan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan dan Pengarah Bio-Angle Vacs Sdn Bhd, Seleman Arip.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 58
TARIKH: 25 OKTOBER 2013 (JUMAAT)

Mimos harap dana sektor ICT ditambah dalam Bajet 2014

KUALA LUMPUR - Pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) kebangsaan bagi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), **Mimos Bhd, (Mimos)** berharap kerajaan mengekalkan atau meningkatkan pembiayaan untuk penyelidikan dan pembangunan ICT dalam Bajet 2014 yang akan dibentang hari ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, aspek R&D penting dalam pembangunan supaya negara tidak bergantung kepada teknologi luar.

"Menerusi dana yang kami terima daripada kerajaan, kami sudah menjalankan pelbagai pe-

nyelidikan menerusi kerjasama beberapa universiti bagi mewujudkan teknologi baharu.

"Kami tidak mahu menyebut jumlah dana yang kami perlukan daripada kerajaan dalam Bajet 2014, namun berharap ada peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan industri ICT," katanya kepada Bernama

di sini semalam.

Abdul Wahab berkata, menerusi dana kerajaan, Mimos melabur dalam Platform Inovasi Terbuka (PIT) untuk memberi dorongan kepada pertumbuhan masa depan industri ICT tempatan.

Beliau menjelaskan, PIT menyediakan syarikat Malaysia de-

ngan teknologi bagi mengukuhkan inovasi dan produk mereka supaya mampu bersaing dengan peserta lain.

Mimos telah membantu peserta industri ICT tempatan mempamerkan teknologi yang dibangunkan dalam negara serta teknologi berasaskan Malaysia.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 25 OKTOBER 2013 (JUMAAT)



Mimos Harap Kerajaan Kekal Atau Naikan Pembiayaan Untuk R&D ICT Dalam Belanjawan 2014

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- [Mimos Bhd](#), pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) kebangsaan bagi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), berharap kerajaan mengekalkan atau meningkatkan pembiayaan untuk penyelidikan dan pembangunan ICT dalam Belanjawan 2014.

[Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Abdul Wahab Abdullah](#) berkata penyelidikan dan pembangunan penting dalam pembangunan negara supaya tidak bergantung kepada teknologi luar.

"Menerusi dana yang kami terima daripada kerajaan, kami sudah menjalankan pelbagai penyelidikan menerusi kerjasama beberapa universiti bagi mewujudkan teknologi baharu.

"Kami tidak mahu menyebut jumlah dana yang kami perlukan daripada kerajaan dalam Belanjawan 2014, namun berharap ada peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan industri ICT," katanya kepada Bernama.

Abdul Wahab berkata menerusi dana kerajaan, Mimos berjaya melabur dalam Platform Inovasi Terbuka untuk memberi dorongan kepada pertumbuhan masa depan industri ICT tempatan.

Beliau berkata Platform Inovasi Terbuka itu diwujudkan bagi menyediakan syarikat Malaysia dengan teknologi bagi mengukuhkan inovasi dan produk mereka supaya mampu bersaing dengan peserta lain.

Mimos telah membantu peserta industri ICT tempatan mempamerkan teknologi yang dibangunkan dalam negara serta teknologi berasaskan Malaysia, katanya dan menambah usaha itu bukan sahaja memberi manfaat kepada syarikat tempatan, malah kepada kerajaan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (COMMENT) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 25 OKTOBER 2013 (JUMAAT)

Road map for humanity's survival

GOOD, BAD, UGLY: Without public support, the goals of sustainable development will prove more elusive

EVERYONE is now talking about sustainable development. The better informed recognise the urgency of the matter, but the public at large is still grappling with the concept.

Many are still in the dark about the implications. This complicates effective implementation since a key stakeholder is the public.

This also explains why programmes such as recycling, an important practice in sustainability, has yet to show positive outcomes in many countries.

In Malaysia, we still struggle to motivate households to separate recyclables. Is there hope?

At the June 2012 Rio+20 summit, world leaders agreed to make sustainable development a world agenda.



Dr Ahmad Ibrahim
Fellow, Academy of Sciences Malaysia

In fact, the United Nations has already initiated the process to develop the sustainability development goals (SDGs) which will replace the millennium development goals (MDGs) after 2015.

A UN High Panel of Experts recently came out with a report on Sustainable Development post-2015.

The report recommended five transformative shifts, including inclusiveness, putting sustainable development at the core, transforming economies for jobs and inclusive growth, open and ac-

countable institutions for all and to forge a new global partnership.

In view of the many risks the world faces as men negotiate the path to the future, sustainable development is more or less a do-or-die road map for the survival of humanity.

Though sustainable development promises a lot of good for mankind, it also has its negative side.

Some markets create non-tariff restrictions to trade under the guise of sustainable development. They hijack the noble objectives of sustainable development to further trade interests.

They resort to regulatory standards using such criteria as greenhouse gas emission levels, deforestation practices and land use change to deny entry of imported products.

The palm oil industry is one sector which has been subjected to such trade prohibition.

The export of palm oil for fuel to the United States and the European Union has been severely discrim-

inated because, according to their calculation, palm oil does not meet the threshold allowed greenhouse gas emissions.

The basis of their calculations has been strongly disputed by palm oil exporters from both Malaysia and Indonesia, claiming their formula is not based on sound science.

- The more disturbing part of sustainable development is the fact that it also has an ugly side. Unless these are corrected, they will further negate the sustainable development goals post 2015 that the UN is actively working on.

The worrying part is that though the world recognises the critical need to embrace sustainable living, many developed nations have yet to toe the line. Logically these are the countries which should demonstrate leadership to the rest of the world. But alas no.

The failure of the Kyoto Protocol to arrest green house gas emissions is a case in point. It is a glaring example of countries that have all the credentials to lead absconding

on their commitments.

As a result a recent assessment by the UN group on climate change has confirmed a worsening trend in global warming. In fact the experts are now saying the earlier target of two degrees Centigrade is no longer tenable. They are now talking about four or five degrees being more realistic.

Such an increase in global temperatures will prove even more devastating for the world. The poor will be especially at high risk.

Unless the bad and ugly consequences of sustainable development are curtailed, convincing the public at large to take urgent action may prove difficult.

Like it or not, without the commitment from the common man, the goals of sustainable development will prove more elusive. Hopefully, the new UN initiative will take cognisance of this.

Like the Clint Eastwood cowboy movie, *The Good, the Bad and the Ugly*, the hope is that eventually the good will overwhelm and win over the evil.



60 Peratus Kematian Jalan Raya Adalah Penunggang Motosikal

MELAKA, 24 Okt (Bernama) -- Kira-kira 60 peratus daripada 6,917 kematian akibat kemalangan jalan raya dicatatkan di seluruh negara tahun lepas adalah penunggang dan pembonceng motosikal.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Datuk Dr Tam Weng Wah berkata pelbagai langkah keselamatan jalan raya melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal perlu dipertingkatkan bagi menurunkan angka kematian yang agak tinggi itu.

Beliau berkata antara langkah tersebut termasuk pendedahan berterusan melalui kempen kepada pengguna jalan raya terutama dalam penggunaan topi keledar ketika menunggang motosikal.

"Kebanyakan penunggang dan pembonceng motosikal di negara ini tidak mengambil berat tentang penggunaan topi keledar yang selamat dan situasi ini tidak mustahil merupakan penyumbang utama kadar kematian golongan itu apabila berlakunya kemalangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Ketua Pengarah JKJR Turun Padang di Bukit Baru di sini hari Khamis yang turut dihadiri Pengarah JKJR Melaka B. Shanthini. Tam berkata penunggang dan pembonceng motosikal dinasihat agar tidak menggunakan topi keledar separuh atau 'kura-kura' kerana ia berisiko tinggi ketika berlakunya kemalangan.

Beliau berkata penggunaan topi keledar yang sesuai, selamat dan diluluskan [Sirim](#) mampu mengelak kecederaan yang teruk terutama di bahagian kepala dan pipi serta mengurangkan risiko kematian.

Katanya ibu bapa terutamanya perlu memastikan anak mereka menggunakan topi keledar kanak-kanak yang sesuai dan diluluskan Sirim.

Tam berkata JKJR telah mengedarkan topi keledar baharu yang diperakui Sirim secara percuma kepada penunggang motosikal melalui kempen kesedaran yang dilaksanakan pihaknya bagi meningkatkan tahap kesedaran orang ramai.

"JKJR telah mengedarkan 6,548 topi keledar percuma kepada penunggang dan pembonceng motosikal di seluruh negara dalam tempoh Jan hingga Sept tahun ini," katanya.

Daripada jumlah itu, 5,466 adalah topi keledar dewasa dan 1,082 topi keledar kanak-kanak, katanya.

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B4
TARIKH: 25 OKTOBER 2013 (JUMAAT)**

FORUM & PAMERAN



MOSTI



WIF KL

**WORLD INNOVATION FORUM
KUALA LUMPUR**

MASA DEPAN IDAMANKU

PENCERAMAH UTAMA



Göran Persson
Bekas Perdana Menteri
Sweden



Mark Gallagher
Grand Prix Motor Racing
Boss



Sugala Mitra
Profesor Teknologi
Pendidikan Ternama



Morinosuke Kawaguchi
Perunding Inovasi dan
Strategi Kompetitif

FORUM

World Innovation Forum-Kuala Lumpur (WIF-KL 2013) adalah acara Inovasi tahunan yang unggul dengan tujuan khusus untuk membudayakan inovasi. WIF-KL 2013 akan dijalani di pusat perkembangan ekonomi, kemunculan teknologi dan inovasi di Asia iaitu Kuala Lumpur. Acara ini berlangsung selama tiga hari dan merangkumi persidangan, pameran dan pelbagai acara tambahan yang menarik. WIF-KL 2013 membawakan personaliti-personaliti terkemuka dalam bidang inovasi, penggubal polisi, pihak swasta dan inovator dari seluruh dunia untuk membincangkan isu dan bertukar idea mengenai inovasi. Forum ini merupakan platform yang ideal bagi semua pihak terlibat untuk turut berkongsi pengalaman, serta membincangkan isu serta strategi bagi pembangunan inovasi.

PAMERAN


Pameran WIF-KL 2013 merupakan sebuah pameran bertahap antarabangsa yang merangkumi keseluruhan rantauan inovasi. Ini termasuk akar umbi, pendidikan, pengkomersialan dan integrasi inovasi demi menyediakan Malaysia ke arah sebuah Negara dengan ekonomi berpendapatan tinggi.

12-14 NOV 2013 PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR

TEL 03-2035 5777

Rakan Strategik

Rakan Taktikal



Penaja

Rakan Media

